

01/11/2003

Pak Lah Perdana Menteri ke-5 (HL)

Manja Ismail; Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara rasmi mengambil alih

jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima, daripada Tun Dr Mahathir

Mohamad yang mengundur diri setelah menerajui kerajaan selama 22 tahun tiga bulan.

Abdullah, yang menyambut hari lahirnya ke-64 pada 26 November ini, mengangkat sumpah jawatan itu di depan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara di sini, semalam.

Sejurus selepas upacara itu, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah

Mohd Ali, masing-masing menerima Anugerah Darjah Kebesaran Persekutuan Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) dan Seri Setia Mahkota Malaysia (SSM), kedua-duanya membawa gelaran Tun.

Abdullah, yang berbaju Melayu hitam dengan butang hadiah khas oleh ibunya, Datuk Khailan Hassan untuk upacara bersejarah itu tiba di Istana Negara bersama isteri, Datin Seri Endon Mahmood pada jam 2.40 petang, diikuti Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah jam 2.45 petang.

Turut hadir orang kenamaan lain termasuk anggota Kabinet, Menteri Besar

dan Yang Dipertua Dewan Negara serta Speaker Dewan Rakyat.

Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah

Jawatan dan Taat Setia serta Sumpah Menyimpan Rahsia oleh Abdullah sebagai

Perdana Menteri dimulakan pada jam 3.05 petang.

Lagu NegaraKu dimainkan oleh pancaragam Angkatan Tentera Malaysia sebelum Abdullah membaca ikrar mengangkat sumpah taat setia serta menyimpan rahsia sebelum menandatangani keempat-empat Suratcara Pelantikan.

Doa selamat dibacakan sebelum empat suratcara pelantikan itu ditandatangani oleh Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul

Halim sebagai saksi yang kemudian diserahkan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Upacara itu disiarkan secara langsung oleh RTM dan TV3 ke seluruh negara.

Abdullah yang dilahirkan di Pulau Pinang pada 26 November 1939, dilantik

sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Januari 1999.

Abdullah menerajui kerajaan selepas Dr Mahathir (17 Julai 1981-31 Oktober 2003); Tun Hussein Onn (1976-1981); Tun Abdul Razak Hussein (1970-1976) dan Tunku Abdul Rahman (1957-1970).

Sebaik selesai upacara di Istana Negara, Abdullah dan Dr Mahathir kembali ke Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya untuk majlis penyerahan kuasa bagi jawatan tertinggi dalam kerajaan itu.

Proses penyerahan kuasa di Tingkat Lima, Bangunan Perdana Putra itu

diadakan dengan penuh tertib dan dianggap paling terancang dalam sejarah politik negara.

Dalam upacara itu, Dr Mahathir, 78, menyerahkan fail meja sebagai tanda penyerahan tugas dan tanggungjawab kepada Abdullah dengan disaksikan Samsuddin.

Dr Mahathir yang tiba dulu, memasuki Pejabat Perdana Menteri dan duduk buat kali terakhir di mejanya sebelum membuka songkoknya dan menandatangani beberapa dokumen, disaksikan oleh Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Badariah Arshad.

Dua anaknya, Datuk Mokhzani dan Mukhriz, tiba selepas itu, diikuti Dr Siti Hasmah dan Samsuddin. Sejurus selepas itu, Abdullah tiba dan bersalam dengan Dr Mahathir sebelum kedua-duanya duduk di kerusi tetamu untuk penyerahan fail meja.

Selepas itu, kedua-duanya mengadakan pertemuan empat mata selama kira-kira 20 minit dengan semua yang berada dalam bilik berkenaan menunggu di luar. Pada masa yang sama, menteri-menteri Kabinet dan pegawai kanan kerajaan menunggu di ruang legar bersama-sama kakitangan JPM serta puluhan wartawan tempatan dan asing.

Dr Mahathir yang berbaju Melayu berwarna hitam dan bersongkok turun ke ruang legar untuk merakamkan waktu keluar pejabat buat kali terakhir pada

5.07 petang, sambil disaksikan anggota pentadbiran JPM.

Ketika Dr Mahathir keluar daripada lif dari tingkat 5, orang ramai kebanyakannya kakitangan JPM berebut untuk bersalam dengannya dan Dr Siti

Hasmah, yang diikuti Abdullah di belakang, dalam keadaan penuh sesak sehingga sebuah pasu bunga jatuh dan pecah.

Sekali-sekala, pasangan itu kelihatan sebak dan mengambil masa untuk berjalan di celah ratusan orang ramai. Bagaimanapun, sepanjang perjalanan

menuju ke keretanya selama kira-kira 20 minit, Dr Mahathir tidak menghampakan mereka yang ingin bersalaman dengannya.

Dr Mahathir masuk ke keretanya, yang dikerumuni oleh ratusan orang ramai

tepat jam 5.30 petang selepas melambaikan tangannya. Beliau dan isteri yang diiringi Ketua Pengawal Peribadi, Datuk Mohamad Ali kemudian terus ke

Seri Perdana - kediaman rasmi Perdana Menteri kira-kira lima kilometer dari situ. Mereka dijangka bertolak ke Eropah pagi ini untuk bercuti selama 10 hari.

Pada hari terakhirnya sebagai Perdana Menteri tengah hari semalam, Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar bagi mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang menyokong beliau di saat susah dan senang sepanjang 22 tahun lalu.

Beliau, yang berpakaian ala-Nehru ketika itu, kelihatan tenang dan segar tetapi amat terharu menerima kesemua surat dan ucapan terima kasih serta penghargaan atas sumbangannya kepada negara.

"Semua usaha ini memberi kepuasan kepada hati saya, dan inilah balasan yang lebih besar daripada apa-apa yang lain iaitu penghargaan yang diberi

dan ucapan terima kasih yang disampaikan," katanya dalam sidang akhbar
30
minit itu.

Ketika ditanya mengenai perasaannya menjelang beberapa jam saja
sebelum
menyerahkan tugas kepada timbalannya, Abdullah, Dr Mahathir berkata
beliau
merasa lega kerana `beban' memimpin negara kini dipindahkan daripada
bahunya.